

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID**  
                  : **[KUALA KANGSAR]**  
**TARIKH** : **23.10.2019 (RABU)**  
**SOALAN** : **4**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan konsep sebenar U.n.i KLINIK, dan apakah keistimewaan dan kelainan klinik tersebut berbanding dengan Klinik 1Malaysia dari aspek perkhidmatan kesihatan awam kepada golongan B40.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, nama sebenar adalah **U.n.i KLINIK (You and I)** dan bukannya **KLINIK U.n.i**. Konsep U.n.i KLINIK ini adalah untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam bidang perubatan termasuk farmasi. Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah merangka strategi dalam usaha untuk mewujudkan usahawan dalam bidang profesional melalui **Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC)** yang dimulakan dalam bidang perubatan dengan memperkenalkan jaringan klinik di bawah satu jenama iaitu U.n.i KLINIK bermula tahun 2019 yang telah didaftarkan.
2. Program pembangunan usahawan ProSPEC merangkumi keseluruhan ekosistem keusahawanan seperti seminar, latihan keusahawanan, konsultasi dan khidmat nasihat, pinjaman perniagaan, promosi dan pemantauan prestasi syarikat.

## NO. SOALAN: 4

3. U.n.i KLINIK menawarkan perkhidmatan premium di bawah satu sistem yang cekap dengan harga mampu milik. Program ini memberi peluang kepada doktor yang telah tamat latihan *housemanship* dan mempunyai lesen perubatan serta pengalaman bekerja untuk mempunyai perniagaan/ klinik sendiri.
4. Kelainan antara U.n.i KLINIK dengan Klinik 1Malaysia (kini dikenali sebagai Klinik Komuniti) ialah U.n.i KLINIK dibangunkan untuk membantu golongan profesional dalam bidang perubatan untuk membuka klinik kesihatan swasta dengan kadar bayaran yang berpatutan.
5. U.n.i KLINIK mempunyai strategi untuk membantu golongan B40 melalui perkhidmatan kepada penduduk setempat melalui **Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40)** sebagai salah satu teras pelaksanaan. PeKa B40 adalah satu inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah dengan memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD).
6. Di samping itu, lokasi U.n.i KLINIK tersebut turut meliputi kawasan bandar dan luar bandar bagi membantu kumpulan B40 seperti golongan miskin bandar.
7. Sejak program ini diperkenalkan pada Januari 2019, sehingga kini, sebanyak 18 buah klinik telah diluluskan dan disalurkan pembiayaan berjumlah RM5.4 juta untuk memulakan perniagaan bagi kumpulan pertama. Manakala bagi kumpulan ke-2, seramai 20 peserta telah menghadiri Program Latihan Inkubator Khas U.n.i Klinik pada 21 hingga 29 September 2019.

Sekian, terima kasih.